

Jurang antara kaum kian rapat: Goh

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kemajuan-kemajuan yang dicapai sejak negara memperoleh kemerdekaan 26 tahun lalu, telah banyak mengubah jurang persepsi perkauman yang wujud antara bangsa Melayu dengan kaum pendatang, Cina dan India.

Bangsa-bangsa utama itu yang terdapat di Malaysia Barat hari ini sedang bergerak ke arah satu pertemuan bagi mengukuh dan merapatkan perpaduan dan penyatuan kaum dalam membina sebuah negara baru dengan satu identiti — Malaysia.

Demikian pandangan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik dalam satu majlis perbincangan hubungan kaum di Malaysia yang diadakan di Universiti Malaya, semalam.

Menurutnya, zaman sebelum merdeka, sikap curiga dan takut antara satu sama lain begitu tebal dalam diri sesuatu bangsa di negara ini. Orang Melayu, khususnya golongan elit, merasakan kehadiran Cina, India dan pendatang-pendatang lain dengan rasa syak wasangka.

"Mereka takut bilangan orang Melayu mungkin diatasi oleh

bangsa-bangsa itu walaupun menyedari kemunduran-kemunduran yang dihadapi dalam segi ekonomi, pertanian dan peisjaran jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa itu," jelasnya.

Bagaimanapun, katanya, selepas suku abad merdeka, sikap negatif itu menampakkan perubahan, orang Melayu sudah mula menerima kenyataan dan tidak lagi merasa 'terancam' atau kurang selamat dari bangsa-bangsa Cina, India atau lain-lain bangsa pendatang.

"Sebaliknya mereka mula bekerjasama dan bersaing dalam bidang pelajaran, ekonomi dan sebagainya. Umpamanya sebelum merdeka, bilangan penuntut-penuntut Melayu memasuki sekolah Inggeris dan universiti terlalu sedikit, tetapi dalam suku abad semenjak merdeka, keseimbangan itu telah diperbaiki," ujarnya.

Bagi bangsa-bangsa lain pula, tambahnya, mereka bersedia menerima penyatuan ke dalam Malaysia jika dibandingkan dengan generasi terdahulu dari mereka dan menjadi warganegara negara ini.

Hari ini sahaja, 100 peratus orang-orang Cina, India dan lain-lain dilahirkan di Malaysia dan

bawah umur 40 tahun. Manakala peratus bilangan orang-orang Cina dan India yang dilahirkan di negara masing-masing adalah kecil iaitu tujuh peratus dan sembilan peratus sahaja.

Dengan penerimaan ini, jelasnya, terbukti persepsi perkauman di negara ini telah berubah. Dasar Ekonomi Baru yang dirumuskan pada 1970 menampakkan kejayaan malamat untuk mengikis identifikasi sesuatu bangsa dengan fungsi ekonomi atau kedudukan geografi.

Bagaimanapun, Dr Goh melahirkan rasa ke-

salnya dengan tiadanya dasar 'Politik Baru' yang dirumuskan bagi menghapuskan identifikasi sesuatu kaum dengan pertubuhan politik. Akibatnya, parti-parti politik kini masih lagi menyelenggarakan kepentingan sesuatu kaum tertentu.

"Pada pandangan saya satu rancangan jangka panjang, suatu dasar politik baru, hendaklah dirumuskan supaya semua ahli politik dari berbagai bangsa bertanggungjawab ke arah melenyapkan identifikasi kaum dengan pertubuhan politik bila sampai ke tahun 2000 nanti," tegasnya.